



## **GANG REMPIT DAN PENYALAHGUNAAN DADAH: PENGARUHNYA DARI ASPEK PSIKOSOSIAL DAN INSTITUSI PENDIDIKAN**

Yahya Don<sup>1</sup>, Yaakob Daud<sup>2</sup>, Muhammad Dzahir Kasa<sup>3</sup>,  
Fo'ad Sakdan<sup>4</sup>, Jamalluddin Mustafa<sup>5</sup> &  
Za'im Ahmad<sup>6</sup>

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti pengaruh persekitaran psikososial dan institusi pendidikan di Malaysia terhadap penglibatan gang rempit dalam penyalahgunaan dadah. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek harga diri, masyarakat, dan institusi pendidikan. Kajian ini juga melihat sama ada terdapat perbezaan dari segi lokasi dan masa merempit, tujuan merempit, dan tahap pendidikan. Dua kaedah pengumpulan data telah digunakan dalam kajian ini, iaitu kaedah tinjauan keratan rentas dan kaedah kualitatif. Dalam kaedah tinjauan soal selidik Coopersmith *Self-Esteem Inventory* (CSEI) (1967), soal selidik pengaruh rakan sebaya, pengaruh masyarakat, pengaruh institusi pendidikan, telah digunakan sebagai alat ukur kajian. Sejumlah 2,059 orang sampel yang terdiri daripada remaja rempit dari empat buah negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Terengganu dan Kuala Lumpur terlibat dalam kajian ini, manakala kaedah kualitatif yang menggunakan teknik temu bual dan pemerhatian melibatkan ahli-ahli remaja merempit, guru-guru, kaunselor pelajar, pegawai polis trafik, pegawai AADK, pegawai hospital, pegawai Bomba, pegawai belia, pegawai jabatan-jabatan kerajaan, pegawai bandaran, dan jawatankuasa kemajuan kampong (JKKK). Data kuantitatif dianalisis dengan analisis statistik Korelasi Pearson, *Multivariate Analysis of Variance* (MANOVA), dan Ujian-t, manakala data kualitatif dianalisis melalui pemerhatian dan rakaman perbualan. Dapatkan kajian ini menunjukkan remaja merempit yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah mempunyai harga diri yang rendah. Dapatkan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara institusi pendidikan terhadap penyalahgunaan dadah oleh remaja merempit. Secara keseluruhannya, kajian ini menjelaskan tentang pengaruh aspek persekitaran psikosoial dan institusi pendidikan terhadap penyalahgunaan dadah oleh gang rempit, justeru beberapa cadangan mengurangkan penyalahgunaan dadah oleh remaja merempit disarankan dalam kajian ini.

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia

<sup>3</sup> Pensyarah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia

<sup>4</sup> Prof. Madya, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia

<sup>5</sup> Pensyarah Kanan, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia

<sup>6</sup> Pensyarah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia



## ABSTRACT

The purpose of this study was to investigate the influence of psychosocial environment and educational institution in Malaysia among 'rempit group' in drugs abuse. Specifically, this study is aim to identify of three aspects namely self-esteem, society and educational institution. This study also aims to identify whether there are significance difference between location, time, purpose and level of educations among rempit group. Two method of data collection was used namely quantitative and qualitative method. Coopersmith Self-Esteem Inventory (CSEI) (1967), peers, society and institution influence (Yahya Don, 1998) was used in this study, whereas observation and interview are used in qualitative method. A total of 2059 suspect of rempit group in Kedah, Pulau Pinang, Terengganu and Kuala Lumpur involved in this study. Interview involved rempit group, student's counselor, police traffic, AADK officers, NGO's and society members. Pearson correlation, MANOVA, t-test was used in analysis. Finding shows rempit group involved in drugs abuse are low of self esteem. A finding also shows there is significance correlation between educational institutions towards drugs abuse among rempit group. Overall, this study can explain the influence of psychosocial environment and educational institution towards drugs abused among rempit group. Lastly suggestion were given for minimize of drugs abuse among rempit group in Malaysia.

## PENGENALAN

Setelah negara dikejutkan dengan masalah Bohsia, Black Metal dan sex bebas di kalangan remaja Malaysia, kebelakangan ini media-media tempatan telah beralih tumpuan kepada masalah dan tindakan ganas remaja bermotorsikal di jalan-jalan dan lebuh raya di Malaysia. Aksi-aksi ganas, pecut memecut, bersaing sesama sendiri bukan sahaja menganggu pengguna jalan raya yang lain, malah tindakan-tindakan ganas terhadap orang awam dan penguatkuasa undang-undang telah meningkatkan tahap kerungsingan ibu bapa, ahli-ahli masyarakat, pihak sekolah, dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Antara kejadian-kejadian dan tindakan ganas gang rempit yang berlaku dan dipaparkan di media-media tempatan antara ialah tindakan mat rempit menyerang balai polis Kubang Semang, Bukit Mertajam, Seberang Prai. Kejadian ini berpunca apabila rakan mereka yang berumur 19 dan 20 tahun, pelajar politeknik di tahan kerana terlibat dalam perlumbaan haram (Utusan Malaysia, 17 Oktober 2006). Mat rempit melanggar anggota polis trafik dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Johor Bahru Selatan (Utusan Malaysia, 26 Ogos 2008), Seorang



anggota penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) cedera parah selepas dilanggar motorsikal yang ditunggang oleh seorang mat rempit yang merempuh satu sekatan jalan raya di Jalan Sultan Idris Shah (Utusan Malaysia, 20 Oktober 2007). Anggota polis yang bertugas di Hospital Selayang dekat sini terpaksa melepaskan dua das tembakan bagi meleraikan pergaduhan antara dua kumpulan pelumba motorsikal haram (Mat Rempit) di hadapan wad kecemasan hospital tersebut. Polis terpaksa bertindak demikian apabila 20 anggota kumpulan Mat Rempit itu menjadi ganas hingga mengacukan parang ke leher seorang pengawal keselamatan yang cuba meleraikan pergaduhan itu (Utusan Malaysia, 22 Ogos 2007), Tidak puas hati dengan tindakan polis mengadakan sekatan jalan raya, sekumpulan Mat Rempit bertindak liar membaling bom petrol ke perkarangan Balai Polis Merbok, Kedah (Utusan Malaysia, 27 Sept. 2007).

Dua konstabel cedera dirempuh pelumba haram di Jalan Kuala Kangsar, Perak (Utusan Malaysia, 9 Feb 2008), Seorang saksi kejadian jenayah melibatkan sekumpulan mat rempit nyaris maut akibat ditetak dan dibelasah kumpulan tersebut selepas dia membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields (Utusan Malaysia, 2 April 2008), Orang ramai makin meluat terhadap mat rempit, mereka menggesa agar golongan mat rempit menghentikan perbuatan memandu laju dan berbahaya tanpa memikirkan keselamatan diri dan pengguna lain (Utusan Malaysia, 26 Jun 2008), Seramai 24 remaja ditahan kerana menunggang motorsikal secara berbahaya dalam operasi mat rempit di Jalan Pengkalan Chepa, Kesemua remaja berusia 16 sehingga 20 tahun itu ditahan oleh sepasukan anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Bharu dalam operasi selama dua jam yang bermula dari pukul 5 petang (Utusan Malaysia, 16 Ogos 2008).

Fenomena ini, bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia yang mana insiden-insiden sedemikian seringkali dikaitkan dengan masalah dadah, pengedaran dadah, keganasan dan jenayah terancang. Namun begitu, gelaran atau istilah yang digunakan untuk kumpulan remaja bermotorsikal ini berbeza berdasarkan persepsi masyarakat, kaum dan budaya sesebuah negara atau kawasan contohnya di Amerika terkenal dengan *Night Rider*, *Ghost Rider*, *Max Cam* dan sebagainya (Clark, 2005; Scott, 2005; McLaren, 2004; Woods, 2004).

Masalah yang melanda remaja Malaysia ini telah mendorong kepada pelbagai usaha penguatkuasaan dan tindakan oleh Pihak Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), penggubal



undang-undang, badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti Putera UMNO untuk mengekang penularan masalah remaja bermotorsikal atau dikenali dengan istilah rempit. Namun begitu, masalah remaja merempit ini masih menjadi barah dalam masyarakat dan menjadi bertambah serius kerana golongan remaja merempit ini dikhuatiri terlibat dengan pengambilan dadah. Pelbagai usaha yang dilakukan ini seringkali mengalami kegagalan kerana kurangnya penelitian yang lebih mendalam, kurangnya penyelarasan dan perkongsian maklumat antara agensi-agensi terlibat.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif utama kajian ini ialah untuk memperjelaskan sejauh manakah pengaruh persekitaran psikososial dan institusi terpilih mempengaruhi kegiatan gang Rempit dengan penyalahgunaan dadah di Malaysia. Pengaruh psikososial yang diteliti ialah aspek harga diri, rakan sebaya, masyarakat, institusi pendidikan dan persepsi terhadap penguatkuasaan undang-undang dan penyalahgunaan dadah (*licit* dan *illicit*) di kalangan gang rempit. Perbezaan aktiviti gang rempit juga diteliti berdasarkan faktor demografi (lokasi dan masa merempit, tujuan merempit, pengetahuan undang-undang jalan raya, umur, pendapatan keluarga, jenis pekerjaan, tahap pendidikan).. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti jenis-jenis dadah utama yang digunakan oleh gang rempit.

## **METOD KAJIAN**

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kualitatif yang dibuat adalah temu bual kumpulan fokus dan temu bual dengan kaunselor, pegawai AADK, guru-guru, PDRM, Majlis Bandaran, Jawatan kuasa kemajuan kampung, pegawai-pegawai belia, ahli politik dan ahli-ahli badan bukan kerajaan (NGO). Bagi kajian tinjauan, 2,500 responden yang terdiri dari gang rempit dari empat buah negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Terengganu telah dipilih untuk mengisi soal selidik yang dikendalikan oleh ahli penyelidik dan pembantu penyelidik yang telah dilantik dan diberi kursus khas untuk membantu responden mengisi borang soal selidik.



## TEKNIK PERSAMPELAN

Subjek kajian dipilih berdasarkan persampelan bukan keberangkalian (*non-probability sampling*) untuk mendapatkan data daripada populasi. Dalam kajian ini persampelan bertujuan digunakan bagi memastikan sampel yang dikaji benar-benar mewakili populasi berkenaan. Oleh kerana populasi sebenar tidak diketahui, penyelidik menggunakan *key informants* dan daripada pemerhatian tidak turut serta (*non participant observation*) penyelidik bagi mendapatkan maklumat. Setelah mendapat bilangan gang rempit mengikut tempat, responden dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan saranan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Teknik persampelan rantaian (chain referrel) juga digunakan dalam kajian ini untuk proses temubual, memandangkan sukar ditentukan kedudukan dan lokasi responden. Penyelidik akan mengumpul data dari beberapa sampel dalam populasi sasaran yang telah dikenal pasti, kemudian meminta mereka memberi maklumat untuk mengesan lain-lain ahli yang dikenali. Dalam kajian ini penyelidik akan mendapatkan maklumat daripada lima orang bagi setiap negeri untuk ditemu bual. Ini bermakna seramai 20 orang akan terlibat dalam sesi temu bual.

Untuk menentukan penglibatan dalam pengambilan dadah, jenis-jenis dadah yang digunakan, kumpulan penyelidik mendapat kerjasama daripada pegawai AADK untuk melakukan ujian urine ke atas sampel kajian. Penyelidik akan mewujudkan rappo (hubungan yang mesra dengan responden), melalui perbualan tersebut, responden akan diminta untuk melakukan ujian urine dengan sukarela. Penyelidik dan juga pegawai AADK yang akan melakukan ujian urine, berjanji bahawa maklumat urine akan dirahsia, nama dan butir-butir diri responden tidak dicatatkan. Tindakan ini hanya bertujuan untuk mengetahui sejauhmana penglibatan dan jenis dadah yang diambil oleh gang rempit.



## DAPATAN KAJIAN

### 1. Pengaruh Psikososial, Institusi Pendidikan dan Pengetahuan Undang-undang Terhadap Penyalahgunaan Dadah Oleh Gang Rempit.

#### a. Harga Diri

Secara keseluruhan dari aspek harga diri menunjukkan min harga diri gang rempit yang menyalahgunakan dadah (licit dan illicit) adalah rendah ( $\text{min} = 131.48$ ) jika dibandingkan dengan min gang rempit yang tidak mengambil dadah ( $\text{min} = 132.65$ ). Oleh itu, daripada dapatan analisis ini menunjukkan bahawa responden yang terlibat dalam gang rempit dan menyalahgunakan dadah mempunyai harga diri yang rendah jika dibandingkan dengan responden yang tidak mengambil dadah. Perbezaan ini adalah signifikan ( $t = -1.977$ ,  $p < 0.05$ ) di mana semakin rendah aspek harga diri responden semakin tinggi kecenderungan mereka terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Dapatkan hasil dari ujian korelasi juga menunjukkan hubungan yang signifikan ( $r = 0.044$ ;  $p < 0.05$ ) di mana aspek harga diri mempengaruhi penyalahgunaan dadah oleh responden kajian.

#### b. Pengaruh Rakan Sebaya

Responden yang menggunakan dadah mempunyai min pengaruh rakan sebaya yang rendah ( $\text{min} = 15.18$ ) di bandingkan dengan responden yang tidak menggunakan dadah ( $\text{min} = 15.61$ ). Ujian t yang dijalankan mendapat perbezaan ini adalah signifikan ( $t = -2.985$ ;  $p < 0.05$ ). Manakala analisis korelasi pearson mendapat terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh rakan sebaya dengan penyalahgunaan dadah ( $r = .065$ ,  $p < 0.05$ ). Dapatkan ini dapat dirumuskan bahawa aspek rakan sebaya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penyalahgunaan dadah di kalangan gang rempit di mana responden yang mempunyai pengaruh rakan sebaya yang tinggi kurang terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

#### c. Pengaruh Institusi Pendidikan

Terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pengaruh institusi pendidikan responden kajian dengan penyalahgunaan dadah. Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara responden yang menggunakan dadah dengan tidak menggunakan dadah ( $t = 3.078$ ,  $p < 0.05$ ). Hal yang sama juga ditunjukkan oleh analisis pearson di mana pengaruh institusi persekolahan mempunyai hubungan yang signifikan dengan penyalahgunaan dadah



oleh gang rempit ( $r = .067$ ,  $p < 0.05$ ). Dapatkan ini menunjukkan responden yang mempunyai pengaruh institusi pendidikan yang tinggi kurang terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

#### **d. Pengaruh Masyarakat**

Responden yang mendapat pengaruh masyarakat yang tinggi (min= 18.77) tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah jika dibandingkan dengan pengaruh masyarakat yang rendah (min = 18.48). namun begitu ianya tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan ( $t = 1. 674$ ,  $p > 0.05$ ). begitu juga dari segi korelasi juga tidak menunjukkan hubungan yang signifikan ( $r = .036$ ,  $p > 0.05$ ). Ini bermakna masyarakat tidak memainkan peranan utama dalam mempengaruhi responden terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

#### **e. Pengetahuan Undang-Undang**

Analisis menunjukkan pengetahuan undang-undang yang tinggi menunjukkan responden terlibat dalam pengambilan dadah min = 18.66 jika dibanding dengan mereka yang tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah min = 18.09. Analisis ujian-t juga menunjukkan perbezaan yang signifikan ( $t = 2.869$ ,  $p < 0.05$ ). Analisis korelasi juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara aspek pengetahuan undang-undang dengan penyalahgunaan dadah ( $r = .063$ ,  $p < 0.05$ ). Rumusannya, pengaruh undang-undang mempengaruhi penyalahgunaan dadah di kalangan gang rempit di mana responden yang mempunyai pengetahuan yang tinggi berkaitan undang-undang dadah dan jalan raya yang paling tinggi terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

### **2. Profail Aktiviti Gang Rempit: Lokasi dan Masa Merempit, Tujuan Merempit, Hadiah Merempit, Perundangan, Pemilikan Motorsikal dan Kumpulan Bermotorsikal.**

#### **a. Lokasi dan Masa Merempit**

Kebanyakan responden melakukan aktiviti merempit pada waktu malam hingga awal pagi iaitu sebanyak 60.6 peratus. Ini diikuti merempit pada waktu hujung minggu sebanyak 25.3 peratus. Peratusan terendah pula dicatatkan bagi kategori merempit pada waktu cuti iaitu sebanyak 3.8 peratus. Sebanyak 80% lokasi merempit adalah kawasan bandar dan pekan-pekan utama.

#### **b. Tujuan Merempit**

Didapati 76.6 peratus daripada responden melakukan aktiviti merempit ini adalah untuk berseronok, diikuti 8.4 peratus untuk mendapatkan ganjaran yang ditawarkan sekiranya




menang. Sebanyak 0.3 peratus pula menyatakan bahawa tujuan mereka melakukan aktiviti merempit adalah untuk menguji motosikal yang telah diubahsuai. Didapati juga 51.6 peratus daripada responden kajian tidak menjalankan aktiviti merempit secara berpasangan, manakala selebihnya iaitu 48.4 peratus adalah sebaliknya. Hal ini dapat lihat pada Jadual 1.1 dan Rajah 1.1 di bawah:-

**Jadual 1.1: Responden Mengikut Kategori Sebab Merempit.**

Sebab Merempit	Frekuensi	Peratus
Keseronokan	964	76.6
Ganjaran	106	8.4
Menguji motorsikal yang diubahsuai	4	.3
Pengaruh rakan	100	7.9
Rasa bosan dan mempunyai masalah	84	6.7
<b>Jumlah</b>	<b>1258</b>	<b>100.0</b>

**Rajah 1.1 : Responden Mengikut Kategori Sebab Merempit.**






c. **Hadiah Merempit** Merujuk kepada Jadual 1.2 dan Rajah 1.2 di bawah mendapati hadiah atau ganjaran yang diperolehi sekiranya menang semasa aktiviti merempit. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 50.4 peratus responden menyatakan mereka menerima imbuhan wang sebagai ganjaran diikuti kategori wang dan perempuan iaitu sebanyak 16.3 peratus dan perempuan sebanyak 15.6 peratus. Namun, ganjaran perempuan dan rokok mencatatkan peratusan terendah iaitu sebanyak 0.2 peratus.

**Jadual 1.2 : Kategori Hadiah Menang Merempit.**

<b>Hadiah Menang Merempit</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
Perempuan	180	15.6
Wang	583	50.4
Dadah	25	2.2
Makan dan minum	50	4.3
Motorsikal	52	4.5
Alat ganti motorsikal	21	1.8
Rokok atau arak	9	.8
Sanjungan sebagai juara	7	.6
Wang dan perempuan	188	16.3
Wang dan dadah	19	1.6
Dadah dan perempuan	10	.9
Perempuan dan rokok	2	.2
Wang dan motor	10	.9
<b>Jumlah</b>	<b>1156</b>	<b>100.0</b>

Rajah 1.2 : Kategori Hadiah Menang Rempit.




#### d. Pemilikan Motorsikal

Hasil kajian mendapati kebanyakan responden menggunakan motorsikal dari jenama Honda iaitu sebanyak 42.5 peratus, diikuti jenama Yamaha sebanyak 34.2 peratus dan Suzuki sebanyak 10.5 peratus. Mereka yang menggunakan motorsikal dari kategori *Superbike* mencatatkan bilangan yang terendah iaitu sebanyak 2.9 peratus. Hal ini dapat dilihat dalam Rajah 1.3 di bawah:-




Rajah 1.3: Jenis Motorsikal Semasa Aktiviti Merempit



Dari segi pemilikan motorsikal, berdasarkan Rajah 1.4 di bawah didapati 45 peratus daripada motorsikal yang digunakan oleh gang rempit adalah milik mereka sendiri, manakala 31.7 peratus pula adalah milik ibu bapa. Mereka yang meminjam motorsikal mencatatkan peratusan terendah iaitu sebanyak 11.5 peratus dan selebihnya adalah motorsikal curi.

Rajah 1.4 : Pemilikan Motorsikal Semasa Aktiviti Merempit





### e. Kumpulan Aktiviti Merempit

Didapati 73 peratus daripada responden kajian tidak menyertai sebarang kumpulan aktiviti Merempit. Sebaliknya 27 peratus pula menyatakan mereka menjadi ahli kumpulan merempit tertentu. Dapatan ini dapat dirujuk kepada Jadual 1.3 dan Rajah 1.5 di bawah:-


**Jadual 1.3 : Nama Kumpulan Aktiviti Merempit.**

Nama Kumpulan Merempit	Frekuensi	Peratus
Apache	42	9.3
Mat Rempit	70	15.6
Shell	5	1.1
Yamaha Club	43	9.6
EX5 Club	13	2.9
Kumpulan Black	13	2.9
CC Club Race	13	2.9
Egois	3	.7
Honda Club Racing	26	5.8
Geng Rempit	46	10.2
Kapchai Club	4	.9
Kedah Rider	15	3.3
Lagenda Motor Club	2	.4
LC Club	16	3.6
Minah Rempit Maju	8	1.8
Modenas Club	8	1.8
Pancung Club Boys	8	1.8
Racing Boy Club	40	8.9
Toyol Riders	17	3.8
Suzuki Club	12	2.7
125 Team	13	2.9
Debar Malam	2	.4
Devil	3	.7
Gagak Hitam	8	1.8



GTA Club	13	2.9
Star Club	4	.9
Bacha	3	.7
<b>Jumlah</b>	<b>450</b>	<b>100.0</b>

Rajah 1.5 : Nama Kumpulan Gang Rempit



Berdasarkan Rajah 1.5 di atas, didapati responden yang menganggotai gang merempit yang dinamakan Kumpulan Mat Rempit mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 15.6 peratus diikuti oleh Kumpulan Geng Rempit sebanyak 10.2 peratus. Terdapat dua kumpulan



merempit yang mencatatkan peratusan terendah sebanyak 0.4 peratus iaitu Lagenda Motor Club dan juga Kumpulan Debar Malam.

**f. Perundangan**

Kekerapan melakukan jenayah di kalangan responden di mana jumlah tertinggi yang dicatatkan adalah sebanyak 59.5 peratus iaitu bagi kategori 1 hingga 10 kali. Kategori kekerapan 21 hingga 30 kali pula mencatatkan jumlah peratusan terendah iaitu sebanyak 0.2 peratus. Bagi kategori kesalahan jalanraya, mereka yang melakukan kesalahan sebanyak 1 hingga 10 kali mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 86.4 peratus. Manakala peratusan terendah yang dicatatkan iaitu 0.1 peratus bagi mereka yang melakukan kesalahan 21 hingga 30 kali, 31 hingga 40 kali dan lebih 40 kali. Ini dapat dilihat mengikut pecahan peratus. Kekerapan responden terlibat dalam kemalangan di mana peratus tertinggi adalah sebanyak 97.5 peratus iaitu bagi kekerapan 1 hingga 10 kali. Jumlah terendah pula dicatatkan pada kekerapan 21 hingga 30 kali iaitu sebanyak 0.4 peratus.

**3. Jenis-Jenis Dadah (licit dan illicit) yang disalahgunakan oleh Gang Rempit**

Berdasarkan Jadual 4.31 di atas, didapati 71 peratus daripada responden kajian adalah merokok, manakala 29 peratus pula adalah tidak merokok. Hal ini dapat dirujuk pada Jadual 1.4 di bawah:-

**Jadual 1.4 : Gang Rempit dan Merokok**

Merokok	Frekuensi	Peratus
Ya	1497	71.0
Tidak	610	29.0
<b>Jumlah</b>	<b>2107</b>	<b>100.0</b>

Jadual 1.5 di bawah pula mencatatkan sebanyak 57. peratus daripada gang rempit yang dikaji tidak mengambil minuman keras, sementara selebihnya iaitu sebanyak 42.5 peratus pula mengambil minuman keras.



### Jadual 1.5 : Gang Rempit dan Minuman Keras

Mengambil Minuman Keras	Frekuensi	Peratus
Ya	893	42.5
Tidak	1207	57.5
<b>Jumlah</b>	<b>2100</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan Jadual 1.6 di bawah dapat diperhatikan lebih daripada separuh gang rempit yang terlibat dalam kajian ini iaitu sebanyak 53.4 peratus mengambil sebarang jenis dadah. Sebanyak 46.6 peratus pula mencatatkan tidak pernah menggunakan dadah.

### Jadual 1.6 : Gang Rempit dan Mengambil Sebarang Dadah.

Mengambil Sebarang Dadah	Frekuensi	Peratus
Ya	1123	53.4
Tidak	979	46.6
<b>Jumlah</b>	<b>2102</b>	<b>100.0</b>


Jadual 1.6 dan Rajah 1.6 di bawah menunjukkan peratus gang rempit yang dikaji didapati mengambil dadah jenis utama iaitu heroin, morfin dan candu. Sebanyak 68.8 peratus mencatatkan tidak pernah mengambil dadah, sementara 18.3 peratus pula masih mengambil dadah. Responden dari kategori pernah menggunakan bahan dadah jenis utama pula adalah yang terendah iaitu sebanyak 13 peratus.



### Jadual 1.6 : Gang Rempit dan Dadah Utama.

Dadah Utama	Frekuensi	Peratus
Pernah ambil	280	13.0
Masih ambil	394	18.2
Tidak pernah ambil	1483	68.8
<b>Jumlah</b>	<b>2157</b>	<b>100.0</b>

Rajah 1.6 : Gang Rempit dan Dadah Utama.




Jadual 1.7 dan Rajah 1.7 di bawah pula menunjukkan sebanyak 69.6 peratus daripada gang rempit yang terlibat dalam kajian ini didapati tidak pernah mengambil dadah jenis ganja. Sebanyak 17.1 peratus pula mencatatkan pernah mengambil ganja, sementara 13.3 peratus masih menggunakan dadah dari jenis tersebut.



### Jadual 1.7 : Gang Rempit dan Dadah Jenis Ganja.

Ganja	Frekuensi	Peratus
Pernah ambil	370	17.1
Masih ambil	287	13.3
Tidak pernah ambil	1502	69.6
<b>Jumlah</b>	<b>2159</b>	<b>100.0</b>

Rajah 1.7 : Gang Rempit dan Dadah Jenis Ganja.




Merujuk kepada Jadual dan Rajah 1.8 di bawah didapati gang rempit yang tidak pernah mengambil dadah jenis ATS mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 62.8 peratus, diikuti mereka yang masih mengambil dadah jenis tersebut iaitu sebanyak 19.1 peratus. Responden yang pernah mengambil dadah jenis ATS iaitu ecstasy dan syabu pula mencatatkan peratusan terendah iaitu sebanyak 18.1 peratus.



### Jadual 1.8 : Gang Rempit dan Kategori Dadah Jenis ATS.

ATS	Frekuensi	Peratus
Pernah ambil	390	18.1
Masih ambil	413	19.1
Tidak pernah ambil	1355	62.8
<b>Jumlah</b>	<b>2158</b>	<b>100.0</b>

Rajah 1.8: Gang Rempit dan Kategori Dadah Jenis ATS.




### Jadual 1.9 : Gang Rempit dan Kategori Dadah Jenis Inhalan.

Inhalan	Frekuensi	Peratus
Pernah ambil	202	9.4
Masih ambil	238	11.0
Tidak pernah ambil	1719	79.6
<b>Jumlah</b>	<b>2159</b>	<b>100.0</b>



**Rajah 1.9 : Gang Rempit dan Kategori Dadah Jenis Inhalan.**




Jadual dan Rajah 1.9 di atas pula menunjukkan 79.6 peratus gang rempit yang tidak pernah mengambil dadah jenis inhalan. Sementara gang rempit yang masih mengambil dadah jenis inhalan ialah sebanyak 11 peratus. Gang rempit yang pernah mengambil pula mencatatkan jumlah terendah iaitu sebanyak 9.4 peratus.

**Jadual 1.10 : Gang Rempit dan Kategori Dadah Jenis Lain-Lain.**

Dadah Jenis Lain-Lain	Frekuensi	Peratus
Pernah ambil	313	14.5
Masih ambil	497	23.0
Tidak pernah ambil	1349	62.5
<b>Jumlah</b>	<b>2159</b>	<b>100.0</b>

Rajah 1.10 : Gang Rempit dan Kategori Dadah Jenis Lain-lain.



Lain-lain jenis dadah adalah terdiri daripada air daun ketum, hashish dan ubat batuk. Berdasarkan Jadual dan Rajah 1.10 di atas, jumlah mereka yang tidak pernah mengambil dadah dari lain-lain jenis adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 62.5 peratus, diikuti yang masih mengambil iaitu sebanyak 23 peratus. Gang rempit yang pernah mengambil dadah dari kategori ini pula mencatatkan jumlah terendah iaitu sebanyak 14.5 peratus.

## PERBINCANGAN

Kajian seumpama ini yang mengkaji hubungan dan pengaruh psikososial dan institusi pendidikan ke atas pengambilan dadah oleh golongan gang rempit sangat terhad di Malaysia. Walau pun umum telah mengetahui peningkatan kadar golongan gang rempit di negara kita mempunyai kaitan rapat dengan masalah pengambilan dadah. Namun begitu, sehingga kini kaedah untuk membendung dan menyelesaikan masalah ini masih lagi kekurangan dan menemui jalan buntuk. Oleh yang demikian, implikasi pertama dalam kajian ini dapat membantu membekalkan maklumat dan data-data psikososial dan institusi pendidikan di kalangan gang rempit dan penglibatan mereka dalam penyalahgunaan dadah. Selain itu, maklumat ini akan secara langsung menimbulkan minat dan perhatian serius terhadap hubungan gang rempit dengan pengambilan dadah. Dapatan kajian ini menunjukkan faktor pengambilan dadah oleh gang rempit mempunyai hubungan dengan aspek diri, pengaruh, rakan sebaya, institusi pendidikan



dan pengetahuan mengenai perundangan. Justeru, Implikasi utama kajian ini menunjukkan terdapat empat pihak yang perlu memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masalah ini iaitu AADK, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan-jabatan Belia dan Badan-badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia.

Signifikan kajian ini adalah nilai faedah melalui dapatan hasil kajian yang dapat mempertahankan dan memberi maklumat penting yang berkaitan penyelesaian, pencegahan dan rawatan yang boleh dilakukan berkaitan dengan masalah remaja dan pelajar sekolah terutamanya. Aktiviti gang rempit dan penyalahgunaan dadah secara tidak langsung bukan sahaja mengancam kualiti modal insan untuk pembangunan negara pada masa depan juga akan mengancam keselamatan dan ketenteraman awam. Oleh kerana dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa responden yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah mempunyai harga diri yang rendah, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh institusi pendidikan yang tinggi akan mengurangkan keterlibatan dalam penyalahgunaan dadah maka perhatian yang serius perlu diberi oleh pihak AADK, dan KPM dalam aspek-aspek tersebut dalam mengurang dan mencegah kegiatan negatif ini daripada terus meningkat.

Tindakan pencegahan dan pemulihan yang boleh dilakukan dalam menangani masalah ini antaranya melaksanakan program-program kesedaran dan program jati diri gang rempit bersama dengan KPM, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Jabatan-jabatan belia dan NGO dalam usaha meningkatkan harga diri remaja dan pelajar sekolah yang terlibat dalam aktiviti merempit. Selain itu, peranan rakan sebaya dalam setiap aktiviti dan program yang dilaksanakan kerana pengaruh rakan sebaya didapati dapat mempengaruhi keterlibatan gang rempit dalam penyalahgunaan dadah. Pengukuhan dan peningkatan peranan rakan sebaya dapat dilaksanakan melalui program rakan sebaya yang sedia ada di peringkat sekolah, di Pusat-pusat Pemulihan Narkotik, program-program belia di peringkat daerah dan negeri yang mensasarkan gang rempit. Tindakan AADK juga dapat diambil dengan melibatkan peranan rakan sebaya atau gang rempit yang pernah terlibat dalam penyalahgunaan dadah melalui program-program kesedaran yang dianjurkan.

Pihak AADK dan KPM perlu bekerjasama dalam merangka dan menilai kembali program-program pendidikan pencegahan dadah yang dilaksanakan di sekolah-sekolah. Dapatan kajian menunjukkan responden yang ditemu bual menyatakan mereka tidak dilibatkan dalam setiap program yang dilaksanakan atas alas an tidak sesuai dan tidak mempunyai kemahiran-



kemahiran yang diperlukan untuk melancarkan program yang dilaksanakan di sekolah. Perubahan dalam trend dan gaya hidup remaja juga menunjukkan program pendidikan pencegahan dadah perlu dirangka dan ubahsuai semula berdasarkan perubahan nilai-nilai dalam masyarakat dan trend gaya hidup remaja Malaysia kin. Justeru, program pendidikan pencegahan perlu dinilai dan diberi nafas baru dalam bentuk yang lebih sesuai berdasarkan budaya dan masyarakat setempat. Program-program sedia ada seperti Skim Lencana Anti Dadah (SLAD), Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR), Kuiz Pendidikan Pencegahan dadah telah tersasar daripada matlamat asal. Temubual dengan gang rempit dan kaunselor-kaunselor pelajar mendapati sekolah-sekolah yang terlibat dalam melaksanakan program-program ini, menumpukan kepada pelajar-pelajar cemerlang dan berpotensi untuk berjaya dalam sesuatu program yang dianjurkan. Pihak sekolah dan guru-guru menjadikan program-program ini sebagai platform untuk mereka menaikkan nama sekolah masing-masing. Oleh itu, program yang sepatutnya menumpukan kepada pelajar-pelajar yang berisiko telah tidak dilaksanakan berdasarkan matlamat yang telah digariskan dalam setiap program tersebut.

Selain itu, KPM dengan kerjasama AADK perlu menilai kembali peranan dan tugas kaunselor di sekolah. Temu bual dengan responden dan kaunselor sekolah jelas menunjukkan bahawa pengaruh institusi sekolah terhadap penglibatan dalam penyalahgunaan dadah mempunyai hubungan dengan peranan kaunselor dan guru-guru di sekolah. Peranan kaunselor di sekolah perlu lebih terbuka tidak sepatutnya hanya sekadar berperanan untuk menganjurkan program-program untuk meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar. Ini adalah kerana, program-program sedemikian sepatutnya dipertanggungjawabkan oleh guru-guru yang telah dipertanggungjawabkan untuk mengajar sesuatu subjek atau mata pelajaran di sekolah. Kaunselor sekolah harus menumpukan kepada proses peningkatan sahsiah pelajar, bertindak sebagai pendamping kepada pelajar-pelajar di sekolah terutamanya pelajar-pelajar yang berisiko, mengenali diri pelajar secara lebih mendalam, keluarga dan masyarakat sekitar. Kaunselor sekolah perlu lebih telus dalam melaksanakan tugas mereka di sekolah, patuh pada masa bekerja yang telah ditetapkan, perlu mempunyai jadual-jadual lawatan ke rumah-rumah pelajar, dan membina hubungan yang baik dengan masyarakat sekitar.

Sesuatu program yang sama tidak sepatutnya dilaksanakan di kawasan dan negeri yang berbeza budaya dan cara hidup. Malah kemajuan pembangunan infrastruktur perlu diambil kira dalam perlaksaan sesuatu program. Perbezaan pandangan, keperluan dan kemudahan infrastuktur membezakan pandangan dan sikap remaja di negeri pantai timur (Terengganu),



Pantai Barat (Kedah) dan negeri yang lebih maju seperti Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Selain itu, kadar keciciran yang bersifat terancang dan tidak terancang perlu diminimakan oleh pihak sekolah. Malah matlamat sekolah perlu difokuskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelektual dan social (JERIS) dan tidak hanya berfokus kepada akademik atau intelek pelajar semata-mata.

